

MENANGANI KESALAHAN AKIDAH MELALUI AMALAN *ISTITABAH*: PENDEKATAN JABATAN MUFTI DAN MAHKAMAH SYARIAH DI NEGERI SEMBILAN

Nazneen binti Ismail, Nurzatil Ismah Azizan, Zanariah Dimon,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
nazneen@kuis.edu.my

Hamidi Abd. Ghani, Nordin Mat Piah & Mohd Ramizu Abdullah @ Zakaria
Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

ABSTRAK

Masalah akidah merupakan perkara yang serius dalam Islam kerana ia berkait dengan seluruh kehidupan seorang Muslim termasuk ibadah, munakahat, muamalat dan jinayat. Pengisytiharan keluar daripada agama Islam menyebabkan seseorang boleh dikenakan hukuman yang berat iaitu bunuh. Di samping itu, termasuk dalam masalah akidah ialah amalan ajaran sesat yang menyeleweng daripada manhaj Ahli Sunnah wa al-Jamaah secara khususnya. Penetapan murtad atau sesat bagi seseorang atau satu kumpulan adalah tertakluk kepada pihak berkuasa seperti institusi fatwa atau kehakiman Islam. Sehubungan itu, penulisan ini bertujuan menjelaskan amalan *istitabah* yang digunakan oleh Jabatan Mufti dan Mahkamah Syariah di Negeri Sembilan dalam menangani kes kesalahan akidah. Kajian dijalankan secara kualitatif melalui kaedah temubual separa berstruktur dengan wakil daripada kedua-dua institusi tersebut. Dapatan menunjukkan bahawa Jabatan Mufti dan Mahkamah Syariah Negeri Sembilan mempunyai kerjasama yang erat dalam menetapkan perintah *istitabah* kepada golongan yang terlibat dengan kesalahan akidah sama ada sebagai pemohon keluar agama ataupun terlibat dalam ajaran sesat. Kaedah *istitabah* yang digunakan adalah bersifat runding cara akidah di bawah kelolaan panel khusus lantikan Jabatan Mufti. Hasil daripada runding cara akan dilaporkan kepada mahkamah dari masa ke masa. Kajian ini diharapkan memberi gambaran tentang amalan *istitabah* di Negeri Sembilan dan kepentingannya dalam memelihara hak beragama umat Islam.

Kata kunci: masalah akidah, murtad, ajaran sesat, *istitabah*, rundingcara akidah

Pengenalan

Akidah dari segi bahasa ialah sesuatu yang menambat hati seseorang. Pengertian ini juga digunakan sebagai anutan seseorang terhadap pemikiran dan pendapat yang diimaninya, dan meresap ke dalam hati sanubari yang akhirnya membentuk tingkah lakunya. Pegangan ini begitu kuat terpahat sehingga tidak lagi diragui. Daripada pengertian ini juga difahami bahawa terdapat akidah yang benar dan akidah yang fasid (rosak). Kerana itu, iktikad ialah sesuatu hukum yang kukuh dan boleh berubah sama ada selari dengan kebenaran atau tidak. Jika selari, ia dinamakan iktikad sahih dan jika sebaliknya, ia adalah iktikad yang rosak. Dari sudut istilah, perkataan akidah

digunakan merujuk kepada ilmu yang membahaskan perkara yang wajib diimani oleh seseorang dengan dalil yang sahih dan meyakinkan (Mustafa Sa'id & Muhyiddin 2004).

Akidah Islamiyyah boleh terbatal melalui perbuatan, perkataan dan iktikad yang menjadikan keimanan seseorang itu gugur. Ia juga disebut sebagai perkara yang membatalkan iman atau penyelewengan akidah. Antara perkara yang membatalkan akidah ialah tidak beriman dengan salah satu daripada kalimah syahadah, mengingkari keTuhanan Allah s.w.t, mengingkari keEsaan-Nya, mencela Rasulullah s.w.t., mengingkari sebahagian atau semua perkhabaran baginda, reda dengan kekufuran, tidak reda dengan Islam, tidak menghukumkan kafir ke atas orang kafir, musyrik, ateis, membenarkan pegangan orang kafir, menjadikan orang kafir sebagai pemimpin, menzahirkan sokongan ke atas agama mereka serta memperolok-olokkan ajaran Islam (Muhammad Na'im t.th).

Mereka yang terbatal imannya disebut sebagai murtad dan perlu dikenakan hukuman kerana ia dikategorikan sebagai jenayah hudud atau ta'zir. Bentuk atau kaedah hukuman murtad tidak dinyatakan di dalam al-Quran. Terdapat dua jenis pandangan ulama berkenaan dengan hukuman murtad dalam Islam, iaitu (Helwa & Jasri. 2013; Zulkifli & Norfadilah 2007):

1. Hukuman murtad adalah hudud oleh Imam Shafi'i, Imam Maliki dan Imam Hanbali. Mereka berpendapat bahawa murtad tergolong dalam dosa-dosa besar yang tidak diampunkan oleh Allah melainkan dengan bertaubat. Hukuman murtad hanya akan dilaksanakan sekiranya tempoh untuk bertaubat yang diberikan telah tamat.

2. Pendapat ulama kontemporari iaitu oleh Abd al-Muta'ali al-Sa'idi, Salem al-Ewa, Muhammad Abduh, Mohamad Hashim Kamali dan lain-lain menyatakan bahawa hukuman murtad adalah ta'azir iaitu tiada ketetapan bentuk hukuman. Faktor yang menyebabkan Rasulullah s.a.w. menyatakan hukuman bunuh terhadap kesalahan murtad bukanlah kerana pemberontakan mereka dalam menentang Islam.

Perbezaan pandangan ini menjadi faktor kepada wujudnya perbezaan tindakan yang dikenakan ke atas pelaku murtad khususnya dari segi sama ada mereka wajib dibunuh atau tidak. Siti Norayu dan Azizah (2014) mengemukakan tiga kategori orang murtad. Pertama ialah orang murtad tetapi menyembunyikannya atau hanya diketahui oleh orang terdekat. Mereka ini tidak dikenakan hukum hudud tetapi diserahkan kepada Allah s.w.t. balasannya di akhirat kelak.

Kategori kedua pula ialah orang yang murtad dan menzahirkannya dengan apa cara sekalipun seperti media sosial, akhbar dan sistem pesanan ringkas (SMS). Mereka ini perlu diperintahkan bertaubat sebelum dijatuhkan hukuman bunuh. Meskipun perintah taubat tidak dinyatakan dalam nas al-Quran dan hadis, tetapi ia memiliki maslahat dan merupakan perkara yang baik untuk dilakukan. Kategori ketiga ialah mereka yang murtad, menzahirkan dan menyerang Islam dengannya. Hukuman kepada mereka adalah bunuh dan wajib diperangi. Jika ada yang tertangkap, maka mereka disuruh bertaubat sebelum dihukum bunuh.

Dalam hal ini, Majlis Agama Islam Selangor (2014) menggunakan pendekatan yang berbeza apabila mendepani dua kelompok murtad. Bagi yang murtad dan memerangi Islam, hukumnya adalah bunuh manakala mereka yang murtad tetapi tidak memerangi Islam, mereka perlu diseru untuk bertaubat dan kembali kepada Islam.

Konsep Taubat Dan Istitabah Dalam Islam

Kalimah taubat merupakan kata terbitan daripada (تَابَ، يَتُوبُ، تَوْبًا، وَتَوْبَةً) yang bermaksud kembali atau menyesal atas apa yang telah dilakukan (Husin 1994). Ia juga diertikan sebagai (نَدِمَ) bermaksud menyesal (*to repent, be or become penitent*) (al-Mawrid 2006). Selain itu taubat juga sinonim dengan (رَجَعَ) iaitu kembali kepada Allah SWT dan orang yang bertaubat ialah mereka yang menyesali perbuatan maksiat yang dilakukan (al-^cAyid et al. t.th).

Dari segi istilah, Abdul Qadir (2008) berpandangan taubat bererti kembali daripada apa yang tercela di sisi syarak kepada apa yang terpuji di sisi-Nya. Al-Sahmarani (2000) juga menjelaskan bahawa taubat ialah kembali kepada Allah SWT dan ketaatan kepada-Nya setelah melakukan maksiat atau dosa. Ia berkait dengan penyesalan dan muhasabah diri sehingga kesilapan yang lalu tidak diulang pada masa akan datang. Di dalam al-Quran, terdapat sejumlah ayat berhubung gesaan kepada manusia agar bertaubat kepada Allah SWT dan mengaitkannya dengan kejayaan di dunia dan akhirat. Antaranya firman Allah SWT dalam surah al-Tahrim, ayat 8:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا تَوْبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَيُدْخِلَكُمُ جَنَّاتٍ تَجْرِي
مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ

Maksudnya:

Hai orang-orang yang beriman, bertaubatlah kepada Allah dengan taubatan nasuhaa (taubat yang semurni-murninya). Mudah-mudahan Rabbmu akan menutupi kesalahan-kesalahanmu dan memasukkanmu ke dalam jannah yang mengalir di bawahnya sungai-sungai

(Al-Tahrim:8)

Ibn Kathir (2002) menjelaskan taubat nasuha bermaksud taubat yang benar lagi *jazam*. Iaitu dengan menghapuskan dosa-dosa lalu, mencela kesilapan diri dan menahan diri daripada melakukan perkara seumpamanya. Ini berdasarkan kepada ulasan para ulama terdahulu yang menjelaskan taubat nasuha itu ialah seseorang itu bertaubat dan tidak kembali melakukannya lagi selepas itu.

Selanjutnya, *istitabah* merupakan satu anjuran atau proses memberi peluang untuk bertaubat bagi mereka yang melakukan kesalahan dari segi syarak. Selain itu, pendekatan *istitabah* yang dijalankan adalah berbentuk rundingan dan khidmat nasihat akidah kepada pemohon untuk kembali menerima Islam sebagai agama dalam hidup (Nor Ashikin & Siti Zubaidah 2017). Perkataan *istitabah* turut membawa erti lain iaitu satu prosedur rasmi yang digunakan sebelum seseorang itu akan dijatuhkan hukum had riddah (Wan Mohd Fazrul et al. 2013)

Kesalahan Berkaitan Akidah Di Malaysia

Merujuk kepada perundangan di Malaysia, bidang kuasa mengisytiharkan status agama adalah di bawah bidang kuasa mahkamah syariah. Pengisytiharan status agama itu sangat perlu dalam

kes-kes yang melibatkan kekeliruan dalam status agama, pemeluk Islam yang tidak diiktiraf atau tidak didaftarkan, status agama pada masa kematian atau saudara baru yang berhasrat keluar Islam. Maka seseorang itu berhak mengemukakan permohonan ke mahkamah syariah bagi mendapatkan pengisytiharan status agamanya.

Manakala kesalahan akidah selain daripada murtad atau percubaan murtad diperuntukkan sebagai kesalahan jenayah syariah yang diselaraskan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia. Termasuk dalam kesalahan akidah ialah pemujaan salah, doktrin palsu, mengembangkan doktrin agama dan sebagainya, dakwaan palsu, menghina dan menyebabkan dipandang hina dan lain-lain agama Islam, mengajar agama tanpa tauliah, pendapat yang bertentangan dengan fatwa dan penerbitan yang bertentangan dengan hukum syarak (Siti Zubaidah 2010).

Siti Zubaidah (2010) menyatakan bahawa terdapat satu kesalahan yang tiada di negeri-negeri lain tetapi ada di Terengganu iaitu Seksyen 15 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) 2001 iaitu kesalahan memutarbelitkan ajaran dan hukum hakam agama Islam. Manakala Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, Seksyen 93(1) yang melarang sesiapa sahaja daripada menganut, mengajar, memberi penerangan dan menyebarkan kepada orang lain dengan apa cara sekalipun atau melakukan apa-apa amalan atau upacara yang berupa ibadat yang bercanggah dengan Hukum Syarak atau mana-mana mazhab yang muktabar atau fatwa yang sah daripada Majlis, sama ada di rumahnya atau di lain-lain tempat dalam negeri Kelantan.

Sehubungan itu, terdapat perbezaan dari aspek prosedur penukaran agama atau permohonan murtad di peringkat negeri. Negeri Sembilan didapati telah memperuntukkan undang-undang bagi mereka yang memohon murtad dalam bentuk prosedur dan tatacara untuk keluar Islam. Pemohon perlu membuat permohonan keluar agama Islam di Mahkamah Tinggi Syariah serta ia ditangguhkan dan dirujuk kepada Jabatan Mufti bagi mengendalikan proses taubat (Nor Ashikin & Siti Zubaidah 2016, 2017; Helwa & Jasri 2013; Sopiie 2015). Selain daripada prosedur berkaitan permohonan murtad, terdapat juga kesalahan yang berkait dengan ajaran selain Ahli Sunnah wa Jamaah telah dikenakan hukuman. Persoalannya, bagaimanakah amalan istitabah dijalankan kepada pemohon murtad dan pengamal ajaran sesat di Negeri Sembilan? Adakah terdapat persamaan amalan istitabah kepada kedua-dua golongan tersebut? Sejauh mana amalan istitabah penting dalam memelihara hak beragama umat Islam?

Justeru, kajian ini fokus kepada usaha Jabatan Mufti dan Mahkamah Syariah Negeri Sembilan dalam memulihkan akidah pemohon murtad dan pengamal ajaran sesat melalui amalan istitabah.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui instrumen temu bual secara mendalam bagi mendapatkan data secara langsung daripada pihak yang terlibat dalam pengendalian istitabah. Instrumen ini dipilih bagi membolehkan kefahaman yang meluas dan sempurna diperolehi khususnya berkaitan amalan istitabah yang dijalankan di Negeri Sembilan (Kamarul Azmi 2012). Justeru, satu temubual semi struktur secara bersemuka telah dijalankan dengan Dr. Muhammad Yusry bin Mazlan selaku Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Rundingcara Akidah pada 8 Januari 2018 dan YA Tuan Abd Razak bin Mat Nayan selaku Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Seremban pada 2 Mac 2018.

Hasil rakaman temubual telah ditranskripsi dan dibaca berulang kali sambil memperdengarkan rakaman audio. Ini penting bagi mengurangkan kadar kesalahan transkrip. Cara untuk menganalisis dilakukan dengan mengenal pasti pandangan responden dan melaporkan sama seperti yang mereka nyatakan dalam temubual. Kemudian, tema dikenal pasti melalui persoalan kajian yang dijadikan landasan kajian. Pandangan responden kemudiannya diklasifikasikan sebelum tema jawapan terhasil. Bagi sebarang tema yang didapati mempunyai persamaan atau pertindanan, ia akan digabungkan di bawah tema yang sama.

Pengulangan bacaan dilakukan sehingga penyelidik yakin bahawa ia adalah tema yang paling sesuai untuk menjawab persoalan kajian. Pengulangan juga dibaca bagi tujuan pengesahan dapatan analisis. Bagi menentukan kebolehpercayaan maklumat juga, pengesahan daripada responden dilakukan dalam bentuk semakan semula. Responden diminta untuk menurunkan tandatangan kebenaran menggunakan bahan rakaman sebagai hasil kajian.

Proses Pengisytiharan Status Agama Di Negeri Sembilan

Enakmen Undang-undang Pentadbiran Islam Negeri Sembilan (Pindaan 2003) memperuntukkan Seksyen 119 berhubung “keluar daripada Islam”, bahawa sejurus apabila seseorang hakim di Mahkamah Tinggi Syariah mendengar permohonan tersebut secara *ex-parte*, pihak hakim hendaklah menangguhkan pendengaran kes berkenaan untuk suatu tempoh selama 90 hari dan pihak pemohon akan diserahkan kepada pihak mufti untuk tujuan kaunseling. Sekiranya pemohon bertaubat dalam tempoh tersebut, Hakim akan merekodkan perkara tersebut dan pemohon akan dilepaskan. Tetapi sekiranya, selepas tamat tempoh tersebut dan pemohon masih berdegil dan tidak mahu bertaubat, ia akan dirujuk balik kepada Mahkamah. Mahkamah boleh membuat satu perisytiharan bahawa pemohon telah keluar Islam atau menangguhkan keputusan sehingga tempoh satu tahun. Sekiranya pemohon masih berdegil dan tempoh satu tahun tamat, hakim berkenaan boleh mengisytiharkan bahawa pemohon berkenaan bukan lagi beragama Islam atau sebaliknya. Tiada sebarang bentuk hukuman atau penahanan mandatori diperuntukkan dalam Enakmen berkenaan. Peruntukan di Negeri Sembilan ini disifatkan sebagai satu prosedur yang lengkap berkaitan kaedah atau tatacara yang mengatur apa-apa tindakan atau permohonan bagi membolehkan seseorang yang dikatakan beragama Islam atau disifatkan sebagai Islam diisytiharkan sebagai seorang bukan Islam (Zulkifli & Norfadhilah 2007).

Oleh itu, menurut peruntukan Seksyen 119 tersebut, mahkamah hendaklah terlebih dahulu memutuskan pemohon bukan lagi seorang Islam sebelum menentukan sama ada pemohon patut diberi perisytiharan untuk keluar daripada agama Islam. Seksyen 119 hendaklah dipakai secara ketat dan ianya bukanlah satu laluan bagi orang-orang yang ingin murtad, sebaliknya sebagai satu kaedah mengawal dan mengekang seseorang daripada terlalu mudah menurut kehendak dan kemahuan untuk murtad dengan memenuhi semua prosedur dalam seksyen tersebut termasuklah proses runding cara atau bimbingan akidah (Zulkifli & Norfadhilah 2007).

Bagi memperolehi perisytiharan tersebut juga bukanlah suatu perkara yang mudah. Ini kerana pemohon hendaklah memenuhi keseluruhan kehendak Seksyen 119 tersebut. Pemohon mestilah memenuhi kehendak hukum syarak bahawa dia telah secara syarie adalah seorang yang tidak lagi mengamalkan agama Islam. Atau dengan kata lain, mahkamah berpuas hati bahawa dia bukanlah seorang Islam pada waktu itu sama ada melalui perbuatan, perkataan atau iktikadnya (Zulkifli & Norfadhilah 2007).

Proses Pensabitan Kes Ajaran Sesat

Menurut Siti Zubaidah (2010), terdapat tiga aspek yang perlu diberi penekanan dalam berhadapan masalah ajaran sesat iaitu, (i) pengeluaran fatwa berkaitan satu-satu ajaran, (ii) pencegahan penyebaran dan penguatkuasaan fatwa serta undang-undang, (iii) pemulihan akidah dan kepercayaan. Pengeluaran fatwa boleh mempunyai implikasi dari sudut tindakan undang-undang boleh dikenakan kepada mereka yang melanggarnya. Seterusnya, pencegahan penyebaran ajaran sesat perlu kepada kerjasama masyarakat setempat melalui aduan kepada jabatan agama Islam sebelum siasatan dapat dijalankan. Melalui perolehan bukti yang kukuh, suspek ajaran sesat boleh didakwa di mahkamah bagi menentukan sama ada mereka bersalah atau tidak. Bagi kes sebegini, pemenjaraan biasa dilihat tidak begitu tepat dalam menjadi jalan keluar kepada masalah akidah. Ia perlu kepada hukuman dihantar ke pusat bimbingan Islam bagi tujuan pemulihan. Namun, antara kekangan di negeri-negeri ialah pewartaan pusat khusus untuk pesalah akidah. Justeru, kerjasama antara mahkamah syariah dengan Jabatan Penjara Malaysia diperlukan agar pesalah akidah boleh melalui proses pemulihan akidah di penjara dengan bantuan pegawai agama sedia ada serta diasingkan daripada banduan lain.

Berdasarkan hasil temubual yang dijalankan, kajian mendapati bahawa seperti negeri lain, Negeri Sembilan juga menggunakan prosedur undang-undang jenayah syariah dalam mengendalikan kes-kes ajaran sesat. Ia melibatkan proses aduan kepada penguatkuasa jenayah syariah, siasatan, tangkapan, pendakwaan dan pensabitan kesalahan. Peruntukan kesalahan ajaran sesat terdapat dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri di Malaysia. Ia jelas dalam kenyataan berikut berkenaan proses pensabitan kes ajaran sesat di Negeri Sembilan:

“Cuma pengalaman saya semasa saya menjadi pendakwa syarie di Negeri Sembilan dulu, ada satu kes, di bawah seksyen 50 juga berkenaan dengan bomoh batin. bomoh kalau nak ubatkan orang kena nikah batin. Prosedur dia sama, selain daripada bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Seksyen 119, lain-lain kesalahan di bawah Enakmen Jenayah Syariah 1992, pemohon perlu melalui aduan kepada penguatkuasa, membuat siasatan. tangkapan dan siasatan dibuka untuk pendakwaan dan kemudian daftarkan kes ini di Mahkamah Syariah. Apabila daftar baru mahkamah adakan perbincangan itu, dan kes akan dikendalikan oleh pendakwa syarie.” (YA Tuan Abd Razak Mat Nayan,40:06)

“Ajaran sesat bukan pengisytiharan, disabitkan kalau pendakwa berjaya membuktikan bahawa orang yang dituduh itu melakukan kesalahan yang disebut sebagai seksyen 50, ini semua bawah kesalahan Enakmen Jenayah Syariah. Kes dimulakan dengan siasatan, tangkapan oleh penguatkuasa kemudian siasatan dibuka pendakwaan dilakukan oleh peguam syarie, selepas pendakwaan dilakukan di Mahkamah Syariah. Pendakwa dapat sabitkan kesalahan orang tersebut dengan bentuk-bentuk kesalahan yang ada, hukuman ialah denda atau penjara atau kedua-dua sekali. (YA Tuan Abd Razak Mat Nayan 42:43)

Sebagai contoh, kes ajaran sesat yang dilaporkan di Negeri Sembilan pada tahun 2012 adalah kes bomoh nikah batin iaitu Mohd Sombas Abdullah. Ia seperti yang dinyatakan oleh YA Tuan Abd Razak Mat Nayan:

“Kes yang saya sebutkan tadi, kes Sombas. Kesalahan yang dibuat ialah dia nak ubatkan perempuan itu perlu melakukan persetubuhan dengan perempuan itu. bila dah buat persetubuhan itu haram dan berzina, kita minta dia nikah, macam mana, nikah guna al-Quran tanpa pengetahuan suami dia. Al-Quran letak atas tangan dan dia lafaz macam ini. Tanpa pengetahuan suami dia . Dia nak ubat nak dapat anak pun. Mula-mula suami dia tak tahu, tapi bila suami dah buat aduan, penguatkuasa bincang dengan saya, tetapkan sewa satu rumah kat rumah kita pasang cctv, apa perlakuan dia semua, apa yang kita nak buat, penggunaan al-Quran itu terlindung, bila penguatkuasa tunjuk pada saya, pecah kepala nak pikir, dia punya akad campur saksi sapa nak tengok, perempuan tu yang mendakwa, apa nak buat sebab kita nak kaitkan dengan peruntukan undang-undang yang nak dikaitkan itu. Upacara akad nikah perlukan saksi dan syarat-syarat dia. Bertentangan dengan syarak” (YA Tuan Abd Razak Mat Nayan 1:05:35)

Di Negeri Sembilan pula peruntukan kesalahan akidah terdapat dalam Seksyen 50 bagi kesalahan mencela dan menghina agama Islam, Seksyen 47 bagi kesalahan pemujaan dan Seksyen 52 bagi kesalahan perbuatan atau ajaran salah.

“Prosedur ajaran sesat ini ada peruntukan di bawah seksyen 54, peruntukan ada, tapi tak banyak kut, Cuma pengalaman saya semasa saya menjadi pendakwa syarie di Negeri Sembilan dulu, ada satu kes, di bawah seksyen 50 juga berkenaan dengan bomoh batin. Di bomoh kalau nak ubatkan orang kena nikah batin. Prosedur dia sama, selain daripada bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Seksyen 119 , lain-lain kesalahan di bawah Enakmen Jenayah Syariah 1992, dia perlu melalui aduan kepada penguatkuasa, membuat siasatan. Buat tangkapan dan siasatan dibuka untuk pendakwaan dan kemudian daftarkan kes ini di mahkamah syariah. Bila daftar baru mahkamah adakan perbicaraan itu, dan kes akan dikendalikan oleh pendakwa syarie, kes lain daripada 119. 119 saya kata tadi permohonan yang dibuat oleh pemohon sendiri secara sebelah pihak sahaja. Kemungkinan di negeri lain ada melibatkan majlis agama Islam, yang berlaku di Negeri Sembilan secara sebelah pihak” (YA Tuan Abd Razak Mat Nayan, 40:06).

Amalan *Istitabah* Di Negeri Sembilan

Merujuk kepada amalan *istitabah* di Negeri Sembilan, ia adalah merujuk kepada rundingcara akidah yang dikenakan kepada pemohon keluar Islam. Ia merupakan perintah mahkamah dalam tempoh sebelum keputusan dikeluarkan oleh pihak mahkamah. Rundingcara ini dijalankan oleh Unit Runding Cara Akidah, Jabatan Mufti Negeri Sembilan. Tempoh rundingcara ini adalah selama 90 hari sebelum laporan dihantar ke mahkamah untuk dipertimbangkan. Ini adalah seperti yang dinyatakan oleh informan:

“kita hantar maklumat ke mahkamah, mahkamah akan pertimbangkan sama ada terus buang atau mengisytiharkan dia bukan Islam atau sekali lagi dia dihantar dalam setahun untuk proses perunding bicara” (Dr. Muhammad Yusry, 04:00)

Walau bagaimanapun pendekatan yang berbeza digunakan dalam menangani kes kesalahan akidah selain murtad. Bagi kes seumpama ini, mereka tidak perlu melalui *istitabah* berikutan ia bersifat dakwaan dan tangkapan. Maka, apabila kes kesalahan akidah telah disabitkan hukuman yang dikenakan berbentuk denda atau penjara atau kedua-duanya sekali berdasarkan Enakmen Jenayah Syariah negeri tersebut. Hal ini dijelaskan oleh YA Tuan Abd Razak:

“Pendakwa dapat sabitkan kesalahan orang tersebut dengan bentuk-bentuk kesalahan yang ada, hukuman ialah denda atau penjara atau kedua-dua sekali”
(YA Tuan Abd Razak 42:43).

Di samping itu, kes berkaitan ajaran sesat merupakan bidang kuasa penyelidikan dan pembangunan Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan seperti yang dimaklumkan:

“(kes ajaran sesat) *tu* di bahagian jabatan.. jabatan agama Islam”. (Dr. Muhammad Yusry, 11:45)

Bagi menjalankan rundingcara akidah, Jabatan Mufti tidak menyediakan satu modul khusus dan seragam meskipun usaha ke arah penyediaan modul pernah dilakukan. Rundingcara akidah yang diamalkan di jabatan mufti adalah bergantung kepada pengalaman dan kebijaksanaan panel yang dilantik. Pemilihan panel adalah berdasarkan keupayaan berdebat berkenaan isu perbandingan agama. Menurut informan:

“Modul Khas *tak* ada. Kita cuma berdasarkan kepada pengalaman. Dulu pernah *nak* buat modul tetapi .. susah *nak* buat modul sekarang”. (Dr. Muhammad Yusry, 11:52)

“Ada, panel kita ada dari pelbagai lapisan pendidikan. Dari pelbagai pendidikan. Ada pengajian Islam, ada yang dia mendapat kursus Dr Zakir Naik, untuk kebanyakan debat dalam agama Kristian. Dengan cara *ni*, sampai satu tahap dia boleh berdebat agama dengan Hindu, bekas sami Hindu, yang siapa, Ustaz Fitri. Ustaz Fitri *kan* dia bekas sami Hindu. Jadi ada yang bekas Kristian” (Dr. Muhammad Yusry, 06:30)

Bagi memudahkan penjelasan dan perbincangan, sesi rundingcara dijalankan secara individu antara pemohon dengan panel yang ditugaskan. Kebiasaannya panel dipilih daripada mereka yang mempunyai persamaan latar belakang sama ada kaum atau agama terdahulu. Menurut informan:

“*One to one*. Kita tanya hati ke hati apa masalah dia *ni*,” (Dr. Muhammad Yusry, 10:54)

Selain daripada sesi ini bertujuan mengajak pemohon untuk kekal dalam agama Islam, ia juga merupakan satu tempoh masa untuk mengenal pasti latar belakang sebenar pemohon dan faktor yang mendorong mereka untuk melakukan permohonan keluar agama.

“sehingga dia menjalani proses *istitabah* di Jabatan Mufti. Jadi dia akan hantar untuk 90 hari pertama. Dalam tempoh tiga bulan, kita akan mengenal pasti adakah dia *ni* betul-betul *nak* pada Islam atau memang bukan orang Islam” (Dr. Muhammad Yusry, 02:28)

Ini kerana kepelbagaian latar belakang pemohon itu sendiri. Masing-masing mempunyai alasan permohonan yang berbeza. Menurut Nor Ashikin dan Siti Zubaidah (2017), terdapat enam kategori

pemohon iaitu pertama, mereka yang hanya Islam pada nama dan memeluk Islam untuk membolehkannya berkahwin dengan pasangan beragama Islam. Maka, apabila perkahwinan tersebut gagal, mereka memohon untuk kembali kepada agama asal. Kedua, pemohon memeluk Islam sebab terpengaruh dengan rakan dan menganggap memeluk Islam adalah kesilapan besar dan tidak berfikiran waras pada ketika itu. Ketiga, pemohon tidak pernah mengamalkan cara hidup Islam daripada kecil kerana masalah keluarga, kecelaruan status agama ibu atau ayah dan dibesarkan oleh keluarga angkat. Keempat, pemohon ingin membuang nama Islam pada kad pengenalnya. Kelima, pemohon merupakan orang Islam berdasarkan keturunannya tetapi ingin keluar agama atas sebab peribadi dan keenam, pemohon tidak menyatakan sebab untuk keluar agama.

Setelah itu, jika mahkamah memutuskan untuk tidak mengisytiharkan pemohon sebagai keluar Islam, mereka akan dihantar semula ke jabatan mufti untuk menjalani rundingcara akidah sebanyak 10 sesi dalam tempoh setahun. Menurut informan:

“Biasa 90 hari tadi *kan*, kita hantar maklumat ke mahkamah, mahkamah akan pertimbangkan sama ada terus buang (kes) atau mengisytiharkan dia bukan Islam atau sekali lagi dia dihantar dalam setahun untuk proses perunding bicara. Sepanjang tempoh 90 hari pertama pemohon dikehendaki menjalani sekurang-kurangnya 10 sesi. Sekiranya pemohon memilih untuk bertaubat dan menarik balik permohonan dalam tempoh itu, maka dengan sendirinya sesi kaunseling ditamatkan dan laporan dihantar ke mahkamah”. (Dr. Muhammad Yusry, 04:00)

“sesi paling kurang 10 kali. 90 hari tu tak, itu kadang-kadang tiga kali, empat kali. Kadang tiga kali dah tak payah dah”. (Dr. Muhammad Yusry, 05:29)

“10 kali sesi bergantung pada keadaan dia, biasanya sejam. Kadang-kadang satu jam, tengok kepada keadaan”. (Dr. Muhammad Yusry, 06:19).

Setelah menjalani rundingcara dan pemohon didapati bertaubat serta menarik balik permohonan, pihak Jabatan Mufti akan membuat tindakan susulan. Tindakan susulan adalah penting bagi membantu bekas pemohon untuk tetap mengamalkan Islam dalam kehidupan. Ia dilakukan dengan bantuan daripada pakar sebagai pemberi motivasi kepada bekas pemohon dan tempat mereka merujuk berhubung amalan sebagai umat Islam. Menurut informan:

“Ada, yang kes baru ni saya *follow up* dengan Dr Farid Ravi. Minta dia tolong tengokkan satu orang ni baru saja mengucap balik”. (Dr. Muhammad Yusry, 27:17)

Dapatan ini menunjukkan kerjasama yang baik antara Mahkamah Syariah dan Jabatan Mufti dalam menangani permohonan keluar Islam. Mahkamah Syariah tidak terus membenarkan permohonan keluar Islam, sebaliknya mahkamah akan mengeluarkan perintah supaya pemohon menjalani rundingcara akidah secara sukarela untuk tempoh tertentu bagi tujuan taubat. Ini selaras dengan kehendak hukum syarak dalam pengendalian kes-kes murtad. Orang yang murtad akan diberi peluang untuk bertaubat dalam tempoh yang tertentu sebelum dijatuhkan hukuman bunuh sekiranya mereka enggan bertaubat.

Manakala, bagi mereka yang disabitkan dengan kesalahan ajaran sesat mereka dijatuhi hukuman denda atau penjara atau kedua-duanya sekali. Golongan ini perlu diambil tindakan tegas oleh pihak

berkuasa kerana ia memberikan implikasi yang buruk kepada individu dan masyarakat khususnya mereka yang jahil tentang agama (Siti Zubaidah 2010).

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, Negeri Sembilan didapati mengambil langkah yang serius dalam berhadapan dengan golongan yang mengalami masalah akidah khususnya pemohon keluar Islam dan pengamal ajaran sesat. Ia dilihat melalui peruntukan dalam seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 2003, kerjasama antara mahkamah syariah dengan jabatan mufti serta peranan jabatan agama Islam negeri. Peruntukan undang-undang negeri ini disifatkan sebagai terperinci berbanding negeri-negeri lain (Nor Ashikin & Siti Zubaidah 2016) kerana ia mempunyai jalan keluar bagi para pemohon yang menjadi ‘mangsa keadaan’.

Pendekatan yang bersifat pemulihan akidah bagi pemohon keluar agama tidak disebut sebagai *istitabah*, tetapi rundingcara akidah. Kaedah ini lebih bersifat menyelidik secara tidak langsung faktor sebenar permohonan diajukan di samping memberi peluang kepada pemohon untuk berfikir semula berkenaan hasrat untuk keluar Islam. Ia juga merupakan medan untuk berbincang dan menjelaskan kekeliruan dalam kalangan pemohon.

Prosedur yang berbeza apabila berhadapan dengan masalah ajaran sesat. Ini kerana permohonan keluar agama merupakan bidang kuasa mal sedangkan kesalahan ajaran sesat merupakan jenayah syariah. Ini bermakna, seseorang atau satu kumpulan itu hanya akan didakwa apabila terdapat aduan dan siasatan dijalankan oleh penguatkuasa agama di jabatan agama Islam negeri. Hukuman yang dikenakan kepada mereka adalah denda atau penjara atau kedua-duanya sekali. Pemenjaraan berfungsi untuk mengasingkan mereka daripada orang ramai namun ia dilihat berisiko kerana mempunyai ruang untuk berlaku penyebaran sesama banduan. Justeru, pengkaji bersetuju dengan cadangan Siti Zubaidah (2010) untuk menyediakan satu penjara khusus bagi pesalah akidah dengan mempunyai pegawai agama yang fokus kepada pemulihan akidah. Selain itu, perlu juga disediakan instrumen untuk mengukur tahap akidah dan keberkesanan proses pemulihan supaya kesahihan akidah golongan ini dapat dipastikan. Keseriusan pihak berkuasa dalam menangani kes-kes kesalahan akidah dan permohonan murtad akan memberi pendidikan secara tidak langsung kepada masyarakat Islam keseluruhannya.

Penghargaan

Kajian ini merupakan hasil daripada Geran Penyelidikan dan Inovasi Kuis (GPIK) 2016 dengan usahasama Kolej Islam Sultan Ismail Petra (KIAS), Kelantan. Penghargaan juga ditujukan kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, YA Tuan Abdul Razak bin Nayan, Pejabat Mufti Negeri Sembilan, khususnya Dr. Muhammad Yusry Mazlan, Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Runding Cara Akidah dan Puan Norfadilah binti Rosli, Pegawai Penyelidik Mahkamah Tinggi Syariah atas kerjasama yang diberikan sepanjang kajian dijalankan.

Rujukan

- Abdul Qadir Isa. (2008). Haqa'iq Tasawwuf, Jil. 1, Tp.
- Ahmad al-'Ayid et al. (T.th). al-Mu'jam al-Arabi al-Asasi. T.tpt.
- Al-Sahmarani, As'ad. (2000). al-Tasawwuf Mansha'uhu wa Mustalahatuhu, Dar An-Nafa'is: Lubnan.
- Helwa Mohammad Zainal dan Jasri Jamal. (2013). Kedudukan Murtad dan Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia: Satu Analisa Isu dan Cabaran. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 17, 13-36.
- Husin bin Unang. (1994). Kamus al-Tullab Arab-Melayu. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Ibn Kathir, Ismail bin Umar. (2002). Tafsir al-Qur'an al-Azim. Dar Tayyibah.
- Mohd Sopiee Shiddeq. (2015). Jenayah Murtad di Malaysia: Permasalahan dari Perspektif Undang-undang Syariah. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 19, 9-16.
- Muhammad Na'im Yasin. (t.th.) al-Iman: Arkanuhu, Haqiqatuhu, Nawaqiduhu. Kaherah: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- Muhammad Yusry Mazlan, Dr. Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Rundingcara Akidah. Temubual. Jabatan Mufti Negeri Sembilan. 8 Januari 2018.
- Mustafa Sa'id al-Khin dan Muhyiddin Dib Misto. (2004). 'Aqidah Islamiyyah. Terj. Mohd Yufof Ahmad et al. Jil. 1. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri: Negeri Sembilan.
- Nor Ashikin Md. Nasir dan Siti Zubaidah Ismail. (2016). Keluar Agama Islam di Malaysia: Permasalahan dari Sudut Undang-undang. *Jurnal Penyelidikan Undang-undang Syariah*. Vol 1(1), 141-154.
- Nor Ashikin Md Nasir dan Siti Zubaidah Ismail. (2017). Amalan mahkamah syariah mengisytiharkan status agama dalam kes permohonan keluar Islam: Kajian kes di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan. *Kanun Jan 2017*, 1-36.
- Rohi Baalbaki. (2006). al-Mawrid: A Modern Arabic-English Dictionary. Lubnan: Dar El-Ilm Lilmalayin.
- Siti Norayu Basir dan Azizah Abdullah, (2014), Murtad: Satu Wacana Sosial. [Online]:https://www.researchgate.net/profile/Norayu_Basir/publication/269223753_Murtad_Satu_Wacana_Sosial/links/548548a70cf24356db60e808/Murtad-Satu-Wacana-Sosial.pdf (akses pada 7 Julai, 2017)
- Siti Zubaidah Ismail. (2010). Menangani ajaran sesat di kalangan umat Islam: Perspektif undang-undang dan pentadbiran. *Jurnal Syariah* Jil. 18, Bil. 2 (2010), 247-276.
- YA Tuan Abd Razak bin Mat Nayan, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Seremban. Temubual pada 2 Mac 2018 di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban.
- Wan Mohd Fazrul Azdi, Mohd Rumaizuddin Musa, Azman Abd Rahman, Mohd Zaliridzal Zakaria dan Mohammad Fadzil Mat Yacob. (2013). Model Istitabah: Cadangan Konsep dan Pelaksanaannya dalam Intervensi Permasalahan Riddah Kontemporari di Malaysia. *Jurnal al-Abqari*, Vol. 3, Universiti Sains Islam Malaysia, 57-71.
- Zulkifli Hassan dan Norfadhilah Mohd Ali. (2007). Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia. *Diskusi Syariah dan Undang-undang, anjuran Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia*, 17 Januari 2007, 1-17.